


ALIMUDDIN A¹, HAMIZAH S², INDAH RAHIMAH AL¹, MUHAMMAD NAZRI S¹

¹KLINIK KESIHATAN SEMPORNA, SEMPORNA, SABAH

²PEJABAT KESIHATAN DAERAH SEMPORNA, SABAH

Pengenalan

Semporna Nutrition Appointment System (SNAS) diwujudkan bagi memendekkan tempoh masa proses penetapan tarikh temujanji pesakit bagi Runding Cara Pemakanan (RCP) dan meningkatkan tahap pengesanan data RCP. Projek ini bertujuan mempertingkatkan pengurusan perkhidmatan RCP kepada pesakit. Sebelum ini, buku temujanji RCP mempunyai kebarangkalian tinggi berlaku kecaciran dan masa yang panjang diperlukan untuk penetapan tarikh dan tempahan temujanji RCP serta perlu disemak secara manual bagi mendapatkan data. Kemudian, pemantauan kehadiran RCP tidak dapat dibuat secara sistematik.



Metodologi


Ini melibatkan pengubahsuaian sistem pengurusan temujanji sedia ada di fasiliti kesihatan Pejabat Kesihatan Daerah Semporna. Sistem ini sepenuhnya di atas talian meliputi borang tempahan temujanji RCP (Google Form) dan pangkalan data (Google Spreadsheet). Pengisian data maklumat pesakit oleh jururawat bertanggungjawab adalah dengan mengakses pautan Google Form RCP secara atas talian. Semakan dibuat di pautan Pangkalan Data Temujanji RCP secara atas talian bagi tempahan yang dibuat kemudian semakan pemantauan kehadiran dan data reten bagi setiap pesakit ke RCP oleh jururawat boleh disemak dalam Pangkalan Data RCP (paparan sahaja).

Hasil Kajian

Pelaksanaan SNAS bermula tahun 2021 sehingga kini melibatkan 2 klinik kesihatan dan 8 klinik desa. Berdasarkan statistik jumlah RCP tahun 2020 (371 pesakit), terdapat peningkatan signifikan setiap tahun dari segi kehadiran temujanji RCP berbanding sebelum sistem ini dipraktikkan. Jumlah RCP dijalankan mengikut tahun adalah tahun 2021 (518 pesakit), 2022 (801 pesakit), dan 2023 (605 pesakit).



PERBANDINGAN JUMLAH RCP TAHUN 2021 HINGGA 2023



Perbincangan

SNAS membantu memendekkan tempoh masa proses penetapan tarikh temujanji RCP dan meningkatkan tahap pengesanan data RCP. Walaubagaimanapun, terdapat limitasi seperti keperluan jaringan internet di satu-satu kawasan untuk akses ke SNAS dan pengemaskinian data yang kerap agar sistem ini sentiasa kemaskini. SNAS tiada implikasi kewangan kerana menggunakan aplikasi atas talian iaitu Google Form, Spreadsheet, dan Whatsapp.

RUJUKAN:

ABD JAMIL A., IZZATUL RAHMI MU., SAMSAH A., SITI HANIZA M., RAJA ZARINA RS., NORMAIZIRA H., NUR KHAIKHAIRAH B. (2020) QA/QI WORKBOOK: THE PROBLEM SOLVING APPROACH. (3 RD EDITION) . INSTITUTE FOR HEALTH SYSTEM RESEARCH.